

Merangkumi

- Semua pihak yang hadir ke premis Mahkamah Perusahaan Malaysia

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan.
- Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir ke premis Mahkamah Perusahaan dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Mengikut janji temu

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Kehadiran ke Mahkamah bagi tujuan perbicaraan	<ul style="list-style-type: none"> Kehadiran Pihak Yang Menuntut/ Kesatuan Sekerja/Syarikat serta Peguam dan wakil-wakil Pekerja/syarikat (MTUC, MEF, dll) adalah dihadkan kepada Yang Menuntut hadir sendiri/seorang wakil kesatuan dan seorang wakil majikan sahaja. Bagi pihak yang diwakili, hanya seorang peguam atau perwakilan dibenarkan hadir bersama anak guam masing-masing. Hanya saksi-saksi berkenaan sahaja dibenarkan hadir pada satu-satu masa perbicaraan mengikut arahan Mahkamah Perusahaan dan perjalanan kes dari semasa ke semasa. Kesemua kehadiran ke Mahkamah Perusahaan perlu diisytiharkan melalui Borang Kehadiran Prosiding di www.mp.gov.my sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh perbicaraan. Laluan ke Premis Mahkamah adalah melalui pintu masuk/keluar yang ditetapkan sahaja. Imbasan suhu badan akan dilakukan dan pelanggan yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah selsius akan diminta pulang dan dinasihatkan mendapat rawatan di fasilitasi kesihatan.
Pergerakan dalam Premis Mahkamah Perusahaan	<ul style="list-style-type: none"> Pihak Yang Menuntut/ Kesatuan Sekerja/Syarikat serta Peguam dan wakil-wakil Pekerja/syarikat (MTUC, MEF, dll) hanya dibenarkan masuk ke Premis Mahkamah Perusahaan lima belas (15) minit sebelum sebutan/perbicaraan/mediasi/penilaian awal sesuatu kes bermula. Pihak Yang Menuntut/ Kesatuan Sekerja/Syarikat serta Peguam dan wakil-wakil Pekerja/syarikat (MTUC, MEF, dll) dikehendaki hadir pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Perusahaan. Ketika dalam premis Mahkamah Perusahaan, kesemua pihak hendaklah menghadkan pergerakan dan segera meninggalkan premis Mahkamah setelah selesai urusan.
Penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none"> Kesemua pihak perlu memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter semasa berada di premis Mahkamah Perusahaan.

Merangkumi

- Semua pihak yang hadir ke premis Mahkamah Perusahaan Malaysia

Semua aktiviti dibenarkan kecuali

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.

Arahan Tetap

- Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan.
- Tertakluk kepada Peraturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan hadir ke premis Mahkamah Perusahaan dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.

Waktu Beroperasi

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan

Mengikut janji temu

Kapasiti Pekerja

100%

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penggunaan Pelitup Separuh Muka (<i>Face Mask</i>)	<ul style="list-style-type: none"> Setiap pelanggan perlu memakai pelitup separuh muka sepanjang masa berurusan di premis Mahkamah Perusahaan.
Pengendalian Kes Secara Dalam Talian	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan kes akan dijalankan secara dalam talian melalui e-Sebutan mengikut jenis keadaan kes atas budi bicara Mahkamah Perusahaan.
Pengamanahan Perjanjian Kolektif	<ul style="list-style-type: none"> Pengamanahan salinan Perjanjian Kolektif beserta surat iringan yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak kepada Mahkamah Perusahaan bagi tujuan pengiktirafan yang dihantar secara sendiri hendaklah dimasukkan ke dalam kotak yang disediakan di kaunter Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur. Pihak syarikat/kesatuan hendaklah memastikan nama dan nombor telefon Pegawai untuk dihubungi, ada ditulis dengan jelas pada surat iringan yang disertakan. Pihak syarikat/kesatuan adalah digalakkan menghantar salinan Perjanjian Kolektif melalui pos atau servis kurier.
Aplikasi MySejahtera	<ul style="list-style-type: none"> Setiap pelanggan disarankan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke telefon bimbit masing-masing. Setiap pelanggan diwajibkan mendaftar menggunakan QR Code yang disediakan di premis Mahkamah untuk tujuan pengesanan kontak rapat.
Amalan Kebersihan Diri dan Premis Mahkamah Perusahaan	<ul style="list-style-type: none"> Amalan kebersihan diri seperti etika batuk dan bersin, dan memastikan kebersihan tangan yang kerap dengan menggunakan air dan sabun atau <i>hand sanitizer</i>.
Pembersihan dan sanitasi	<ul style="list-style-type: none"> Pembersihan dan sanitasi akan dilakukan berdasarkan Garis Panduan Tatacara Pembersihan dan Disinfeksi yang telah disediakan oleh KKM.